



**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MERANGKAP AHLI PARLIMEN P201 BATANG LUPAR**

**SEMPENA  
KARNIVAL PRODUK KOPERASI DAERAH PUSA**

**20 MAC 2016 (AHAD)**

**DATARAN TANDANG SARI, PUSA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia

Yang Berhormat Haji Razaili Bin Hj Gapor  
Ahli Dewan Undangan Negeri N29 Beting Maro

Yang Berusaha Encik Bujang Bin Hj Budin  
Pegawai Daerah Pusa

Yang Berusaha Encik Osman Bin Ismail  
Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Negeri Sarawak

Ketua-Ketua Jabatan/ Agensi Persekutuan Dan Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Masyarakat

Pemimpin-Pemimpin Koperasi

Rakan-rakan media; dan

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya dapat kita bersama-sama berkumpul di pagi ini sempena Majlis Perasmian Karnival Produk Koperasi Daerah Pusa anjuran bersama Pejabat Daerah Pusa dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
2. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan program Karnival Produk Koperasi Daerah Pusa pada 19 hingga 20 Mac 2016, bertempat di Dataran Tandang Sari ini, khususnya kepada pihak Pejabat Daerah Pusa, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Agensi kerajaan Tempatan dan Persekutuan, dan Pusat Khidmat DUN dan Parlimen Batang Lupar.

## **KARNIVAL PRODUK KOPERASI DAERAH PUSA**

3. Saya difahamkan program pagi ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan dengan dasar-dasar kerajaan dalam pembangunan ekonomi dan sosial. Saya berharap agar objektif dan matlamat penganjuran program ini mampu melahirkan usahawan-usahawan di kalangan anggota-anggota koperasi.
4. Saya percaya gerakan koperasi bukan sahaja mampu memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat tetapi juga mampu menyatukan masyarakat dan mewujudkan ekonomi yang berdaya saing. Program keusahawanan melalui koperasi memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa perniagaan dan

keusahawanan mampu menjadi sumber pendapatan dan pekerjaan utama masyarakat. Di samping itu, dengan adanya program ini, kita dapat memperkenalkan produk-produk buatan tempatan di Daerah Pusa ke pasaran luar, dengan koperasi bertindak sebagai Pusat Pengumpulan.

## **PROGRAM KEUSAHAWANAN WANITA**

Hadirin sekalian,

5. Sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin kongsi bersama tuan-tuan dan puan-puan beberapa program khas untuk usahawan wanita yang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi yang selari dengan objektif program pada kali ini:

### **a) Program Bimbingan dan Sokongan Kewangan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)**

Bermula pada tahun 2014, terdapat 149 program pembangunan keusahawanan di bawah SME Corp dengan peruntukan sebanyak RM13.5 bilion, termasuk 4 program dengan peruntukan RM2 bilion khusus untuk wanita. Program-program ini merangkumi bantuan untuk:

- akses kewangan (RM17.7 bilion);
- akses kepada pasaran (RM78.7 juta);
- pembangunan sumber manusia (RM147.1 juta);
- teknologi dan inovasi (RM421.5 juta); serta
- infrastruktur (RM92.9 juta).

Usahawan wanita digalakkan menjalani penarafan SME *Competitive Rating for Enhancement* (SCORE) atau *Micro Enterprise Competitive Rating for Enhancement* (M-CORE) secara percuma supaya mereka dapat dibantu bersesuaian dengan keperluan semasa perniagaan mereka. Hingga November 2015, sejumlah 2,194 perniagaan milikan wanita telah menjalani penarafan SCORE dan 1,034 perniagaan milikan wanita telah menjalani penarafan M-CORE.

**b) *Micro Franchise***

KPWKM sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Program *Micro Franchise* untuk melahirkan usahawan wanita bagi menjalankan perniagaan francais. Terdapat juga francais mikro dengan kos di bawah RM50,000 yang boleh diusahakan. Dalam hal ini, KPWKM mengambil inisiatif untuk melahirkan lebih ramai wanita dalam bidang francais mikro.

6. Wanita harus melihat ini sebagai peluang keemasan untuk lebih mempergiatkan diri dalam bidang perniagaan, dan menjadikan perniagaan sebagai kerjaya pilihan.

## **MENANGANI KOS SARA HIDUP**

Hadirin yang dihormati,

7. Bidang keusahawanan dilihat dapat menangani masalah kos sara hidup yang semakin meningkat. Seperti yang kita sedia maklum, KPDNKK telah mewujudkan pelbagai inisiatif untuk menangani masalah ini seperti memperkenalkan kedai harga patut seperti Kedai Rakyat 1Malaysia (KRIM), kedai Coop, Kedai Tukar yang menjual barang-barang dengan harga yang lebih murah dalam pasaran. Saya dimaklumkan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia sendiri telah memperkenalkan produk Coop 1Malaysia dengan kerjasama Felda Trading Sdn Bhd.
8. Selain itu, Koperasi juga telah memperkenalkan program kedai Coop Mart, Kedai Tukar, DC, Sub-DC dan banyak lagi. Program ini bertujuan untuk memberi pilihan harga terbaik dan murah kepada anggota-anggota koperasi dan masyarakat secara amnya.
9. Sehubungan dengan itu, saya ingin melahirkan penghargaan tidak terhingga kepada gerakan koperasi yang telah banyak menyokong dan membantu membangunkan program-program yang memfokus kepada meningkatkan taraf ekonomi penduduk khususnya penduduk luar bandar.
10. Besarlah harapan saya agar penduduk di sini menggunakan peluang dengan sebaik-baiknya di karnival ini untuk mempelajari serta bertukar-tukar pengalaman dengan para usahawan dan Suruhanjaya Koperasi mengenai ilmu bidang keusahawanan, bak kata pepatah melayu "*Tuntutlah ilmu hingga ke Negeri China*".

11. Dengan lafaz *Bismillah Hirrahman Nirrahim* saya dengan sukacitanya merasmikan Program Karnival Produk Koperasi Daerah Pusa.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.